

GARIS PANDUAN LHDNM

PROSEDUR PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC) SYARIKAT

1. Tempat Mengemukakan Permohonan

Syarikat yang memohon SPC perlu mengemukakan permohonan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Cukai Korporat, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur atau Unit Syarikat di cawangan LHDNM yang mengendalikan fail berkenaan.

2. Syarat-Syarat Permohonan

2.1 Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)

2.1.1 Syarikat yang memohon SPC hendaklah sudah mengemukakan Borang C dan Borang R (termasuk Borang R31, jika berkenaan) sehingga tahun taksiran terkini.

2.1.2 Jika Borang C dan Borang R bagi tahun taksiran terakhir masih belum disediakan oleh LHDNM, BNCP bagi tahun taksiran sebaik-baik sahaja sebelumnya boleh digunakan dengan penyesuaian.

Contoh:

- i. Jika BNCP Tahun Taksiran 2010 masih belum disediakan oleh LHDNM, syarikat perlu menggunakan BNCP Tahun Taksiran 2009.
- ii. Jika BNCP Tahun Taksiran 2009 digunakan, potong “2009” dan menggantikannya dengan “2010”; dan
- iii. Menulis perkataan “SPC” di sebelah atas perkataan “Tahun Taksiran” pada muka surat pertama BNCP.

2.2 Pengemukaan Dokumen Yang Berkaitan

Selain daripada Borang C dan Borang R, permohonan yang lengkap untuk SPC hendaklah mengandungi dokumen-dokumen berikut:-

2.2.1 Kes Penggulangan Sukarela oleh Ahli

Semasa Permohonan SPC:	
i.	<i>Form 66 - Declaration of Solvency</i>
ii.	<i>Form 11 - Notice of Resolution</i>
iii.	<i>Form 71 - Notice of Appointment and Location of Liquidator</i>
iv.	<i>Form 75 - Liquidator's Account of Receipt & Payments & a Statement of the Position in the Winding Up</i>
Selepas SPC:	
<i>Form 69</i>	<i>- Return by liquidators relating to final meeting & Minutes of the final meeting</i>

2.2.2 Kes Penggulangan oleh Pemiutang

Semasa Permohonan SPC:	
i.	<i>Form 65A - Statutory Declaration of Inability of Company to Continue Business, and that Meetings of the Company and its Creditors have been summoned</i>
ii.	<i>Form 11 - Notice of Resolution</i>
iii.	<i>Form 72 - Notice of Appointment and Location of Liquidator</i>
iv.	<i>Form 75 - Liquidator's Account of Receipt & Payments & a Statement of the Position in the Winding Up</i>
Selepas SPC:	
<i>Form 69</i>	<i>- Return by liquidators relating to final meeting & Minutes of the final meeting</i>

2.2.3 Kes Pembatalan Syarikat Dorman

Borang CP7	<i>- Notis Mendapatkan Maklumat Di Bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 – Penyata Untuk Pembubaran Syarikat Dorman</i>
----------------------------	---

3. SPC akan dikeluarkan apabila permohonan yang lengkap diterima dan cukai termasuk hutang potongan bulanan pekerja telah dibayar sepenuhnya.
4. Pegawai Perhubungan Awam cawangan boleh dihubungi sekiranya menghadapi masalah dalam pengeluaran SPC. Senarai nama Pegawai Perhubungan Awam dapat diperoleh dari [laman web LHDNM](#).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

15 September 2009